

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR

Edisi Ke-8 / ISSN 1965 - 2924

# TERAS 10

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



*Edisi Khas*



Pembangunan Profesional Berterusan  
**CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)**

# *Jsi Kandungan*

|   |          |
|---|----------|
| Editorial                                       | TERAS 2  |
| Naib Canselor                                   | TERAS 3  |
| Pendaftar                                       | TERAS 4  |
| Jawatankuasa Kompetensi                         | TERAS 5  |
| Bersama Penyelaras CPD                          | TERAS 6  |
| Sejarah CPD                                     | TERAS 9  |
| Pembangunan Profesional Berterusan              | TERAS 10 |
| Dasar Pelaksanaan                               | TERAS 11 |
| Tafsiran Terma                                  | TERAS 12 |
| Format Penggredan Mata CPD - Akademik           | TERAS 13 |
| Format Penggredan Mata CPD - P&P dan Sokongan   | TERAS 23 |
| Ringkasan Pengumpulan Mata CPD                  | TERAS 29 |
| Penetapan Mata CPD Berdasarkan Bulan Berkhidmat | TERAS 31 |
| Markah LPPT                                     | TERAS 32 |



# Sidang Readeusi.



### **Sidang Ridaksi Teras :**

MOHD NAWAWI BIN MUHAMAO  
AZRINA BINTI ALWI  
HASAN BIN SALEH  
NORDIANA BINTI MO LAMIN  
MOHD ADZNAN BIN MOHD NAYAN  
MUHAMAD HAZRUL BIN MO ESA  
MOHD KUIZWA BIN MOHD JOHARI

#### Pembacita :

MISOOM BIN LAN  
MOHAMAD YUSOF BIN MOHAMAD DAN  
MURNI BINTI ABU  
SAHHIZAM BIN MAAMIN

Jucu nambac

JORAFIZA BINTI JUKI  
MD NOR BIN MOHAMAD SALEH  
NURULDAYU BINTI TALIB

Reka Bentuk & Grafik

RATNASAFRAH BINTI AZIS



# Editorial

Buletin TERAS Pejabat Pendaftar  
Edisi Khas

**Masdzarif bin Mahat**

## Pembangunan Profesional Berterusan

Syukur Alhamdulillah ke hadhrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat, hidayah, serta inayah-Nya kepada kita semua. Salam dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. beserta para sahabat dan keluarga, atas tuntunan dan tauladannya yang menunjukkan jalan yang lurus dan benar. Bertemu lagi di keluaran Khas TERAS yang membicarakan pelaksanaan Pembangunan Profesional Berterusan atau *Continuous Professional Development* (CPD) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Pelaksanaan CPD ini telah dilaksanakan mulai tahun 2010. Pihak Universiti dari masa ke semasa sentiasa berusaha untuk memperbaiki sebarang kelemahan serta mempertingkatkan keberkesanannya ke dalam sistem pentadbiran Universiti. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pendaftar merasakan perlu adanya satu pemakluman yang komprehensif berkaitan pelaksanaan CPD ini kepada semua warga Universiti.

Secara umumnya Pembangunan Profesional Berterusan atau *Continuous Professional Development* (CPD) adalah proses pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dihayati oleh setiap warga Universiti bagi meningkatkan kompetensi staf dari segi pengetahuan, kemahiran dan jati diri yang selari dengan aspirasi Universiti dan negara.

Warga Universiti perlu memahami bagaimana kaedah ini dikuatkuasakan serta kesannya terhadap pencapaian prestasi dan kemajuan kerjaya masing-masing.

Harapan kami semoga keluaran khas ini dapat memberi manfaat kepada semua warga Universiti dan seterusnya membantu mempertingkatkan lagi iltizam kita untuk bersama-sama berusaha membawa nama Universiti ke persada dunia.

## Sekalung Penghargaan

Sidang Ridaksi Buletin TERAS Pejabat Pendaftar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Pejabat Pendaftar yang dikemudikan oleh En. Misdom bin Lan, Timbalan Pendaftar HRD di dalam merealisasikan penerbitan Edisi Khas ini.

Tidak dilupakan juga khusus kepada Pn. Murni binti Abu, penggerak pelaksanaan CPD Universiti, En. Mohd. Yusof bin Mohd. Dan, Pn. Azrina bt. Alwi, En. Sahhizam bin Maamin dan Pn. Ratnasaerah bt. Azis yang bersengkang mata merungkai idea terhadap reka letak dan grafik Edisi Khas ini.

*"Wahai Tuhan, ihsankanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibubapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal salih yang Engkau redhai dan masukkanlah daku dengan limpah rahmatMu dalam kumpulan hamba-hambaMu yang salih".*

( Al Qur'an, Surat An'Naml,  
ayat 19 )

# CPD...hasrat dan harapan

**K**ecemerlangan yang berterusan merupakan matlamat utama setiap organisasi yang ingin berjaya. Sumber tenaga yang mahir dan berpengetahuan tinggi menjadi idaman dalam memacu kegemilangan agar sentiasa teguh berdiri di kala pelbagai cabaran dan krisis yang mendarat. Usaha membangun sumber manusia merupakan antara agenda keutamaan di mana melalui Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka ada menggariskan pelan tindakan untuk meningkatkan K-Profesional Staf. Semua staf bertanggungjawab merancang dan memantau aktiviti untuk meningkatkan kompetensi diri masing-masing.

**Continuous Professional Development (CPD) atau Pembangunan Profesional Berterusan merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu yang banyak digunakan oleh badan-badan profesional seluruh dunia bagi tujuan pembangunan dalam bidang-bidang tertentu. Mengambilkira pendekatan global dan keberkesanan pelaksanaan CPD di Universiti Sains Malaysia, Pengurusan Universiti melalui beberapa perbincangan telah bersetuju untuk melaksanakan program tersebut di UTeM.**

**Tindakan proaktif Pejabat Pendaftar dalam menerbitkan TERAS Edisi Khas yang mengupas secara terperinci mengenai pelaksanaan CPD amat bertepatan dalam membekalkan segala maklumat bermanfaat untuk dijadikan rujukan.**

Saya berharap melalui TERAS Edisi Khas ini warga UTeM mendapat semua pengetahuan yang diperlukan mengenai CPD seterusnya memahami pelaksanaannya.

Syabas dan tahniah kepada semua yang telah berusaha dalam usaha menerbitkan TERAS Edisi Khas ini.

Salam hormat,

**Y. Bhg. Prof. Datuk Dr.  
Ahmad Yusoff bin Hassan**

**Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka**



# Assalammualaikum....

Sumber Manusia merupakan aset terpenting dalam sebuah organisasi. Ini menggambarkan Kepentingan dan Kebergantungan organisasi kepada sumber manusia. Justeru dari Kesedaran itu, maka sumber manusia perlu dilatih, dibangun dan disiap siagakan dengan ilmu pengetahuan yang seimbang serta merangkumi keperluan rohani dan jasmani.

Pejabat pendaftar telah merancang dan melaksanakan program-program latihan berimpak tinggi untuk membangun sumber manusia di UTeM. Keperluan latihan ini juga merupakan agenda utama pihak Kerajaan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) yang mewajibkan setiap kakitangan awam mengikuti latihan/kursus tujuh (7) hari setahun. Continuous Professional Development (CPD) adalah salah satu kaedah yang dipilih oleh UTeM untuk memastikan setiap staf dapat mengikuti program-program latihan/kursus secara fleksibel dan berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi.

Terbitan Khas ini menceritakan berkenaan sejarah CPD di UTeM dan format penggredan mata CPD serta persoalan-persoalan yang lazim dikemukakan sepanjang pelaksanaannya.

Terbitan TERAS Edisi Khas diharap dapat memberi gambaran yang jelas kepada seluruh warga mengenai pelaksanaan CPD di UTeM. Saya berharap agar semua warga UTeM memperoleh manfaat dari terbitan khas ini.

Wassalam...

**Encik Hasan bin Sirun**  
Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



# JAWATANKUASA KOMPETENSI



## JAWATANKUASA CPD

### PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN SOKONGAN

HASAN SIRUN  
Pengerusi

KHAIRUL BIN TAIB  
HJH. FARIDAH BINTI HJ. MD. AMIN  
HJH. NORaida BINTI ATTAN  
MOHD. ISA BIN MOHD DOM  
DR. MOHD. RIZAL BIN SALLEH  
PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI  
KETUA-KETUA SEKTOR YANG DIJEMPUT HADIR  
Ahli Jawatankuasa

### AKADEMIK

ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN  
Pengerusi

PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN  
ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN  
PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB  
PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM  
PROF. DR. HJ. MOHD. TAIB BIN HJ. DORA  
DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN  
DR. AZIZAH BINTI SHAABAN  
PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI  
Ahli Jawatankuasa

MISDOM BIN LAN  
Setiausaha

# BERSAMA PENYELARAS CPD

Temubual bersama Penyelaras CPD di UTeM iaitu Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman.

HRD : Assalamualaikum Prof. tahniah kerana diberi kepercayaan oleh Pengurusan Universiti untuk dilantik sebagai Penyelaras CPD UTeM. Boleh kiranya Prof. berkongsi pandangan mengenai perlaksanaan CPD di UTeM?

MBS : Terima kasih, saudara. Bukanlah mudah menerima tanggungjawab sebagai Penyelaras CPD ini. Tugas besar serta mencabar ini memerlukan sokongan yang padu dari semua pihak di UTeM. InsyaAllah saya akan cuba laksanakan sedaya yang mungkin.

Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Program Latihan Sumber Manusia yang dirangka adalah selaras dengan keperluan perkhidmatan dari aspek sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge). Adalah menjadi hasrat Universiti perancangan latihan ini mampu melahirkan staf yang kompeten dan bersedia menerima tanggungjawab dalam mengharungi cabaran globalisasi sekali gus berupaya mencapai Objektif Ke-2 Pelan Strategik UTeM iaitu Membangunkan Staf Yang Kompeten Dan Profesional – Berilmu (K- profesional).



Pembudayaan staf yang berilmu menjadi tanggungjawab setiap individu. Berdasarkan komitmen ini, pihak Universiti telah melipatgandakan usaha dalam melaksanakan pelbagai latihan yang menggabungkan sinergi dari aspek kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual kepada staf UTeM. Usaha oleh Universiti di dalam membangunkan staf agar kompeten dan profesional berilmu bukan sahaja mampu mewujudkan budaya ilmu, malah dapat memastabatkan budaya ilmu di Universiti ini.

Bagi merealisasikan impian tersebut, Universiti telah bersetuju untuk memperkenalkan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Program ini berperanan sebagai satu kaedah untuk mengekal, mengembang dan mempertingkatkan kompetensi dan profesionalisme staf. Program ini juga mampu memastikan pembelajaran sepanjang hayat dapat dilestarikan di UTeM.

Justeru itu, saya berharap agar semua warga UTeM dapat menerima pelaksanaan program ini secara positif kerana ini merupakan hasrat murni pihak pengurusan dalam misi mengangkat martabat warga UTeM ke suatu aras kecemerlangan kompetensi selaras dengan tag-line UTeM iaitu Kompetensi Teras Kegemilangan.

## Kecemerlangan Melalui **CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)**

"Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) ialah proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu yang umumnya merangkumi aktiviti pengembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap"

HRD : Apakah objektif dan kelebihan perlaksanaan CPD di UTeM yang boleh Prof. jelaskan kepada warga UTeM?

MBS : Universiti tidak akan memilih sesuatu agenda sekiranya ia tidak menguntungkan dan mendatangkan faedah kepada staf khususnya dan universiti umumnya. Pelaksanaan program CPD ini bertepatan dengan keperluan semasa dalam menggalakkan staf meningkatkan ilmu supaya pembentukan modal insan kelas pertama boleh menjadi kenyataan. Objektif perlaksanaan CPD ialah;

- i. Pertama untuk melestarikan pembelajaran sepanjang hayat. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, CPD adalah program yang diperkenalkan untuk memastikan pembudayaan ilmu di kalangan staf dapat dilaksanakan di UTeM. Di mana semua staf sama ada dari Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Profesor, JUSA) kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbir, Akademik) dan Kumpulan Sokongan masing-masing perlu mencapai mata minimum mengikut gred jawatan setiap tahun.
- ii. Kedua, elemen pembangunan diri dan penilaian prestasi staf digabungkan. CPD berperanan dalam menilai secara lebih telus dan menyeluruh terhadap ilmu pengetahuan dan sumbangan staf di Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) pada tahun berkenaan. Gabungan bersepada ini mampu melihat keberkesanan latihan yang diperoleh dan ditawarkan dalam membangunkan kompetensi staf secara menyeluruh.
- iii. Ketiga adalah untuk mencapai matlamat Dasar Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA). Keperluan latihan telah diwajibkan oleh kerajaan menerusi arahan pelaksanaan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan bahawa setiap penjawat awam perlu mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bersamaan dengan 42 jam setahun. Kementerian yang diberi portfolio untuk melihat pembangunan sumber manusia bagi penjawat awam iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), memerlukan laporan pencapaian ini sebagai salah satu kriteria dalam menentukan rating KPT melalui Sistem Star Rating oleh MAMPU. Berdasarkan komitmen ini, pihak kerajaan telah menetapkan setiap agensi perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya satu peratus (1%) daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Justeru itu, dengan pelaksanaan CPD ini pihak Pengurusan Universiti mampu memenuhi hasrat kerajaan dalam memastikan semua staf terlibat dengan agenda tersebut.
- iv. Keempat, CPD menawarkan waktu pembelajaran yang lebih fleksibel. Program CPD memberi kuasa kepada staf untuk merancang sendiri latihan yang boleh meningkatkan kompetensi diri sepanjang tahun. Atas kelulusan ketua masing –masing staf boleh memilih waktu yang sesuai untuk menghadiri latihan tanpa mengabaikan tuntutan tugas di PTJ.

v. Kelima, penjimatan kos operasi boleh dilakukan dengan pelaksanaan CPD. Terdapat dua (2) penjimatan yang boleh diperoleh dari pelaksanaan tersebut. Pertama, matlamat untuk mencapai latihan 42 jam setahun tidak sahaja mengambil kira latihan bersifat conventional face-to face tetapi boleh juga melibatkan latihan secara blended approach seperti sesi perkongsian ilmu, pembelajaran kendiri, program mentor-mentee dan sebagainya. Justeru itu, kos latihan akan lebih ditumpukan kepada kursus-kursus yang strategik dan penting. Kedua, semua aktiviti latihan dan sumbangan staf dapat direkodkan dalam pangkalan data CPD yang dibangunkan atas platform web. Di mana staf boleh melihat segala aktiviti pembangunan kompetensi dengan cepat dan mudah serta dapat meminimumkan penggunaan kertas.



## Peranan Penyelaras CPD

HRD: Sepanjang pelaksanaan CPD pada tahun 2010, terdapat beberapa rungutan dari warga UTeM mengenai program tersebut. Antaranya ialah:

- MBS: i. Staf tidak dapat mengikuti latihan kerana kekangan tugas yang mendorong staf berkenaan tidak dapat memenuhi keperluan minimum mata CPD yang ditetapkan.
- ii. Staf tidak benarkan mengikuti latihan oleh Ketua PTJ kerana kepentingan tugas dipejabat.
- iii. Unit Latihan tidak menyediakan latihan kepada staf yang menjawat jawatan minoriti di UTeM.

Perkara-perkara di atas telah menjelaskan markah Penilaian Prestasi Tahunan staf pada tahun 2010. Keadaan ini telah mendatangkan ketidakpuasan hati dikalangan staf yang terlibat. Apa pandangan Prof. dalam perkara ini?

HRD: Warga UTeM harus memahami bahawa apa jua perkara yang dilaksanakan ia tidak akan dapat memenuhi keperluan dan kehendak staf seratus peratus. Walau bagaimanapun kita sedaya mungkin untuk meminimumkan kekurangan dan kelemahan tersebut. Berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh staf seperti yang dipersoalkan oleh saudara, saya berpendapat bahawa:

- i. Staf perlu membuat perancangan yang bijak bagi mengimbangi kepentingan tugas dan keperluan meningkatkan pengetahuan. Staf yang berpengetahuan akan dapat memberikan output yang cemerlang dalam tugas yang diberikan.
- ii. Berkenaan Ketua PTJ yang tidak membentarkan staf di jabatannya mengikuti latihan, saya menasihatkan agar perkara ini tidak berlaku kerana Ketua PTJ perlu melihat bahawa staf perlu mengikuti latihan yang disediakan oleh pihak universiti bagi meningkatkan pembentukan sikap positif, kemahiran dan peningkatan ilmu pengetahuan. Jika berlaku peningkatan ketiga-tiga aspek ini, maka kecemerlangan dan produktiviti staf akan meningkat seterusnya akan meningkatkan prestasi PTJ berkenaan.
- iii. Seperti yang telah saya katakan sebelum ini, keperluan menghadiri latihan merupakan salah satu agenda kerajaan untuk membangunkan sumber manusia. Komited pihak Pengurusan Universiti telah diterjemahkan melalui peruntukan latihan tahun 2011 sebanyak 3.8% dari peruntukan emolumen.

Unit Latihan perlu mengambil langkah proaktif terhadap latihan yang khusus bagi staf yang menjawat jawatan minoriti di UTeM. Unit Latihan perlu mencari program-program latihan yang berkaitan di luar dan menghantar kumpulan berkenaan untuk mengikuti latihan yang difikirkan menepati keperluan tugas kumpulan berkenaan.

"Usaha oleh Universiti di dalam membangunkan staf agar kompeten dan profesional berilmu bukan sahaja mampu mewujudkan budaya ilmu, malah dapat memartabatkan budaya ilmu di Universiti ini"

1 Bertanggungjawab menyelaraskan keseluruhan pelaksanaan aktiviti CPD

2 Membentangkan Laporan Kemajuan Pelaksanaan CPD kepada Lembaga Penilaian Kompetensi UTeM

3 Mengesahkan kursus/satihan yang boleh diberikan mata CPD bagi semua skim perkhidmatan di UTeM

4 Mengetuai Jawatankuasa CPD Akademik dan Jawatankuasa CPD Pengurusan & Profesional dan Sokongan

5 Melantik Ketua Skim, ahli bagi setiap tahap, panel penilai untuk tugas / temuduga

HRD: Satu perbincangan khas telah diadakan bersama Y.Bhg. Datuk Naib Canselor, Tuan Pendaftar dan Y. Bhg. Prof. sendiri mengenai isu-isu yang timbul sepanjang pelaksanaan CPD pada tahun 2010. Apa komen Prof. dalam perkara ini?

MBS: Pihak pengurusan sentiasa bersikap terbuka dan proaktif dalam pelaksanaan sesuatu program atau agenda. Dalam perbincangan khas tersebut beberapa penambahbaikan telah diputuskan agar program yang dilaksanakan ini memberi faedah kepada staf dan Universiti. Saya berharap agar penambahbaikan ini dapat disambut baik oleh semua staf universiti.

Sukacita saya menyeru sekali lagi kepada seluruh staf universiti agar lebih prihatin dan peka terhadap pelaksanaan CPD di UTeM dan mengambil peluang yang disediakan untuk memastikan kita tidak ketinggalan. Ketidakprihatinan staf terhadap usaha-usaha Universiti dalam pembangunan UTeM akan merugikan individu itu sendiri.

Saya juga menyeru kepada Ketua-Ketua PTJ/jabatan/bahagian agar dapat memberi kelonggaran dan sokongan kepada staf untuk mengikuti latihan berkaitan agar hak staf tidak dinafikan. Walau bagaimanapun staf perlu bijak merancang dan mengimbangi keperluan latihan agar tidak menjelaskan kepentingan tugas.

# Sejarah CPD



Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) mula diperkenalkan sejak 1 November 2002 selaras dengan Pelaksanaan Sistem Saran Malaysia dilaksanakan. PTK dilaksanakan untuk memantapkan keupayaan sumber manusia supaya lebih kompeten, berpengetahuan dan memiliki nilai peribadi yang bersesuaian dengan hala tuju universiti dan aspirasi negara. PTK juga bertujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanannya sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam bagi memenuhi ekspektasi "stakeholders" dan pelanggan yang kian meningkat. Antara objektif PTK ialah:

1. menggalakkan pembangunan diri dan memantapkan ciri-ciri peribadi
2. menggalakkan penggunaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi
3. menerapkan budaya kerja berpasukan
4. memantapkan organisasi pembelajaran
5. melaksanakan pengurusan sumber manusia berdasarkan kompetensi
6. membudayakan kecemerlangan perkhidmatan awam
7. memenuhi salah satu syarat anjakan gaji dan kenaikan pangkat

Setelah lima (5) tahun PTK dilaksanakan, beberapa penambahan telah dibuat terhadap pelaksanaannya. Pada tahun 2005, sistem keputusan berdasarkan aras telah diperkenalkan. Manakala pada tahun 2006 pula, diperkenalkan kekerapan peluang menduduki PTK. Pada 26 hingga 28 Februari 2007, Bengkel Pemantapan PTK bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan di Hotel Impiana, Kuala Lumpur. Bengkel ini dihadiri oleh semua wakil Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Kolej Komuniti serta wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Antara resolusi dari bengkel tersebut ialah Universiti Sains Malaysia (USM) telah diminta untuk mengetuai penyediaan cadangan format CPD (*Continuous Professional Development*) sebagai kaedah alternatif untuk memantapkan lagi pelaksanaan PTK.

# Pembangunan Profesional Berterusan Continuous Professional Development (CPD)

Pembangunan Profesional Berterusan atau *Continuous Professional Development (CPD)* adalah proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu yang banyak digunakan oleh badan-badan profesional seluruh dunia untuk tujuan pembangunan dalam profesi tertentu.

Universiti Sains Malaysia (USM) adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang mempelopori perlaksanaan CPD sebagai alternatif untuk memantapkan kaedah untuk mengukur kompetensi staf. Keberkesanannya pelaksanaan CPD di USM telah mendorong beberapa buah IPTA lain termasuk UTeM untuk turut serta melaksanakan program tersebut.

Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), CPD yang dilaksanakan turut merujuk kepada program/ sistem pembelajaran sepanjang hayat yang berpusatkan kepada keperluan staf dan hala tuju organisasi. Program CPD yang merangkumi aktiviti pengembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap membolehkan seseorang staf:-

- *memahami dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perjawatan masing-masing*
- *menghadapi perubahan dan cabaran dalam pembangunan kerjaya*
- *sentiasa menghayati nilai-nilai murni dan sikap positif, dan*
- *menyokong objektif pelaksanaan penilaian kompetensi penjawat awam*

Pelaksanaan CPD ini bermula apabila Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan semua Kementerian/Negeri/Agensi/Badan Berkanun melaksanakan Pengubahsuai Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2009. Antara 3 (tiga) kaedah yang dicadangkan oleh JPA, kaedah Penilaian Kompetensi Berterusan (PKB) telah dipilih oleh Pengurusan Tertinggi UTeM untuk menambah baik kaedah sedia ada. Kaedah ini dilaksanakan berdasarkan program Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development*).

Pengerusi Panel Penilaian Kompetensi iaitu Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah menyarankan pelaksanaan MyCPD di USM dikaji agar pelaksanaan kaedah baru ini mencapai matlamatnya. Di atas persetujuan tersebut, Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah mengadakan beberapa sesi lawatan rasmi ke USM pada pertengahan tahun 2009. Lawatan ini bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat sistem MyCPD dan meneliti akan perlaksanaan CPD di IPTA tersebut.

Satu kertas kerja berkenaan cadangan Pelaksanaan CPD di UTeM hasil dari lawatan tersebut telah dikemukakan untuk mendapat pandangan dan kelulusan Panel Penilaian Kompetensi.

Pada 20 Mac 2009, Panel Penilaian Kompetensi telah bersetuju untuk melaksanakan program CPD di UTeM setelah meneliti faedah-faedah yang diperoleh sekiranya program tersebut dilaksanakan. Pada 1 Disember 2009, satu memorandum perjanjian telah dimeterai di antara USM dan UTeM mengenai hubungan kerjasama bagi kedua IPTA ini dalam membangunkan sistem CPD di UTeM.

Pejabat Pendaftar sekali lagi telah mengadakan lawatan susulan ke USM dan sebuah lagi IPTA yang melaksanakan CPD iaitu Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pada bulan Mac 2010. Dapatkan dari lawatan tersebut, Pejabat Pendaftar telah merangka draf kaedah pelaksanaan CPD antaranya dasar pelaksanaan, format penggredan mata CPD, penukaran CPD ke markah Penilaian Prestasi Tahunan staf dengan mengambil kira kesesuaian dan keperluan di UTeM. Bagi memastikan draf tersebut menepati hasrat Universiti beberapa sesi bengkel yang melibatkan Jawatankuasa CPD Pengurusan & Profesional Dan Sokongan dan Jawatankuasa CPD Akademik diadakan bagi mengemas kini dan memantapkan lagi kandungan CPD.

Pada 7 Mei 2010, kertas kerja Cadangan Pelaksanaan CPD Di UTeM telah diperakuan dan disahkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi (sebelum ini Panel Penilaian Kompetensi) melalui Mesyuarat Lembaga Penilaian Kompetensi Bil.1/2010. Sehubungan dengan itu, berdasarkan keputusan mesyuarat secara rasminya pelaksanaan CPD di UTeM dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010.

## Objektif

*Continuous Professional Development (CPD) atau Pembangunan Profesional Berterusan merupakan program yang dirancang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan menambah baik kecekapan profesional sepanjang kerjaya seseorang pegawai.*

*Objektif pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:-*

1. *Melesuriakan pembelajaran sepanjang hayat.*
2. *Pembangunan diri dan penilaian prestasi staf digabungkan.*
3. *Mencapai matlamat Dasar Sumber Manusia Sektor Awam (DSMSA) yang memerlukan setiap staf mengikuti latihan tujuh (7) hari setahun.*
4. *Menyediakan waktu pembelajaran yang lebih fleksibel*
5. *Penjimatan kos operasi*

# **Dasar**

# **Pelaksanaan**

CPD

MALAYSIA MELAKA  
UNIVERSITI TEKNIKAL  
ILIMAINA

4 **نبیکل ملیسیا ملاک**  
PENGUMPULAN MATA CPD

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bagi memastikan CPD dapat dilaksanakan dengan berkesan, dasar pelaksanaan CPD telah ditetapkan seperti berikut:

- 1** Staf perlu mengikuti kursus merangkumi keperluan Generik (Umum) dan Fungsional (Khusus)
- 2** Perlu mengisi borang Keberkesanan Kursus bagi tujuan pemantauan oleh Pegawai Penyelia.
- 3** Staf yang berkhidmat kurang dari 12 bulan, keperluan mata CPD berdasarkan baki jumlah bulan yang tinggal pada tahun semasa.

*Cara Pengiraan :*

$$\frac{\text{Bilangan bulan berkhidmat}}{12 \text{ bulan}} \times 42 \text{ mata}$$

- 4** Pengumpulan mata CPD yang melebihi mata minimum tidak dibenarkan dibawa ke tahun hadapan.
- 5** Bagi kes-kes khas, (kursus/ latihan luar) pemberian mata CPD akan dirujuk kepada Ketua Tahap/ Ketua Sektor / Penyelaras CPD untuk disahkan.

## Kursus Jangka Sederhana

Kursus sepuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalender termasuklah hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.

### Kursus Jangka Pendek

Kursus sepuh masa termasuklah lawatan sambil belajar, latihan, seminar atau bengkel yang tempohnya tidak melebihi tiga (3) bulan kalender termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.

### Kompetensi

Merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab.

(a) **Kompetensi Generik** (Umum) merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh setiap pegawai tanpa mengira gred jawatan dan organisasi pegawai berkenaan.

(b) **Kompetensi Khusus** (Fungsional) merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi khusus yang diperlukan bagi melaksanakan bidang tugas sesuatu jawatan.

### Sesi Pembelajaran

Aktiviti latihan atau pembelajaran secara bersemuka yang tempohnya kurang dari 6 jam, anjuran jabatan, bahagian dan agensi luar.

Contoh aktiviti:

- a. Sesi Perkongsian Ilmu
- b. Program Executive Talk
- c. Perhimpunan Bulanan/ mingguan PTj/ Universiti
- d. Program Sambutan yang mengandungi ucapan atau ceramah
- e. Program penerapan nilai-nilai jati diri/ ceramah khas sempena sesuatu peristiwa
- f. Sesi Perbincangan/ perkongsian idea pengurusan tertinggi
- g. Pembentangan kertas kerja di seminar, konvensyen, simposium atau persidangan
- h. Sesi Kaunseling

### Latihan

Bermaksud proses perpindahan ilmu pengetahuan secara kemas, berdisiplin dan berterusan. Ia bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini boleh dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja atau seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

### Latihan

Kursus asas yang ditetapkan sebagai memenuhi syarat dalam perkhidmatan awam atau UTeM

# Tafsiran Terma CPD

### Sumbangan Di Luar Tugas Rasmi

Penglibatan Pegawai Yang Dinilai (PYD) dalam aktiviti sukarela di luar tugas rasmi jawatannya seperti sukan, pertubuhan atau sumbangan kreatif (misalnya penulisan, kesenian dan penemuan) yang memberi faedah kepada komuniti, jabatan daerah, Negeri dan Negara.

### Pembelajaran Kendiri

Merujuk kepada kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas daya usaha sendiri. Di mana peningkatan kemahiran, kebolehan dan kerjaya dapat dicapai dengan mempraktikkan, menyampaikan, mendedahkan pengetahuan yang diperoleh kepada pelbagai idea dan pengalaman serta melalui latihan dan mentoring.

Contoh aktiviti:

- a. Penggunaan portal
- b. Penggunaan e-pembelajaran yang diiktiraf oleh jabatan/kerajaan
- c. Pembacaan buku-buku ilmiah (biasa / e-book)
- d. Pembacaan jurnal ilmiah/ laporan/ kajian dan bahan-bahan ilmiah lain (fizikal atau maya)



# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik



### 1. Kursus Jangka Sederhana

| Mata  | Pemberat                             | Mata Maksimum   | Catatan   |
|---|--------------------------------------|---|---|
| $\frac{\text{Bln berkursus}}{12\text{bulan}} \times \text{mata CPD}$<br><br>Contoh :<br>$\frac{6\text{ bulan}}{12\text{ bulan}} \times 42\text{ mata} = 21\text{ mata}$ | $\geq 3\text{ bulan}$<br>(10.5 mata) | <b>Bagi Professor &amp; JUSA = (20 mata)</b><br><br><b>Bagi Kump. Akademik Gred 41-54 = (42 mata)</b> | a. Tidak termasuk Skim Cuti Belajar Universiti<br><br>b. Kursus yang tidak membawa kepada pengurusan Diploma/jazah<br><br>c. Tertakluk kepada kelulusan Ketua PTJ (termasuklah Ketua Pejabat dan Pusat di Canselor)<br><br>d. Sekiranya jumlah mata yang dikumpul kurang dari 42 mata, staf perlu mengumpul mata dari Bahagian 2/3/4/5/6. |

### 2. Kursus Jangka Pendek

#### A. Latihan

Terdiri daripada Kursus/Seminar/Persidangan/Bengkel/Workshop/Simpósium/Kolokium/Klinik Kaunseling (cth:- Pembimbing Rakan Sekerja - PERASA), Lawatan Rasmi (contoh:- Lawatan Industri , Lawatan Kerja IPTA/IPTS, Lawatan Kerja Ke Agenzi ,Lawatan Sambil Belajar Ke Industri)

| Mata  | Pemberat   | Mata Maksimum | Catatan   | Contoh Aktiviti  |
|---|--|---------------|---|--|
| 1 jam = 1 mata<br>(bagi Kursus, Seminar/ Persidangan, Bengkel / workshop , Simposium/ kolokium, Klinik Kaunseling)<br><br>1 lawatan rasmi<br>= 1 mata | A<br><br><b>Bagi Professor &amp; JUSA = (10 mata)</b><br><br>Umum/Generic (5 mata)<br><br>Khusus/ Fungsional ( 5 mata )<br><br>@<br><br><b>Bagi Kump. Akademik Gred 41-54 = (32 mata)</b><br><br>Umum/ Generik (16 mata )<br><br>Khusus/ Fungsional (16 mata ) | Tiada Had     | a. Tempoh 6 jam dikira 1 hari berkursus.<br><br>b. Kursus yang berlarutan hingga malam dikira 8 jam sehari.<br><br>c. Anjuran PTJ (termasuklah Pejabat dan Pusat di Canselor) atau agensi luar Universiti diambil kira.<br><br>d. Kursus Wajib diberi mata sebanyak 50% daripada hari berkursus <ul style="list-style-type: none"> <li>• BTN (16 mata)</li> <li>• UTeM Terbilang &amp; Aku janji (20 mata)</li> <li>• Induksi Umum               <ul style="list-style-type: none"> <li>- P&amp;P dan Sokongan 1 (44 mata)</li> <li>- Sokongan II dan III (36 mata)</li> <li>- PINTAR (8 mata)</li> </ul> </li> </ul><br>e. Sekiranya lawatan yang dibuat berkaitan dengan tugas hakiki ia dikira dalam mata khusus | <b>Bagi Professor &amp; JUSA dan Kump. Akademik Gred 41-54</b> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Umum/Generik</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Motivasi &amp; Kecemerlangan Diri</li> <li>2. Etika, Akauntabiliti &amp; Integriti</li> <li>3. Kemahiran Kepimpinan</li> <li>4. Kemahiran Komunikasi</li> <li>5. Kursus-kursus IT</li> </ol> </li> <br/> <li><b>Khusus/Fungsional</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kursus Asas Pengajaran</li> <li>2. Kursus Penasihat Akademik</li> <li>3. Kursus Pendekatan OBE</li> <li>4. Solidworks Essential</li> <li>5. Bengkel Penulisan Modul</li> </ol> </li> </ul> |

# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik



### 2. Kursus Jangka Pendek

#### B. Sesi Pembelajaran

##### i. Perkongsian Ilmu

| Mata  | Pemberat   | Mata Maksimum | Catatan  | Contoh Aktiviti   |
|---|--|---------------|--|---|
| a. Kementerian / Negeri/ IPTA<br>1 prog.= 2 mata      | B + C<br>(10 mata)<br>@<br>B sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>C sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had     | i) Maksimum mata yang diberi bagi perhimpunan bulanan/tazkirah adalah 3 mata.<br><br>b) PTJ (termasuk Pejabat dan Pusat di Canselor) | <b>Kementerian/ Negeri</b><br><br>1. Taklimat e-Filing dan Pindaan PCB oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri<br><br>2. Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri           |
| b. UTeM<br>1 prog.= 1.5 mata                          |  |               |  | <b>UTeM</b><br><br>1. Majlis Perutusan Naib Canselor<br>2. Seminar Harta Intelek<br>3. Ceramah Khas Sempena Nuzul Quran<br>4. Executive Talk                                      |
| c. PTJ/ Persatuan (UTeM)<br>1 prog.= 1 mata           |  |               |  | <b>PTJ/Persatuan</b><br><br>1. Perhimpunan Bulanan/ Mingguan oleh PTJ<br>2. Luncheon Talk anjuran BAKUTEM<br>3. Program Tazkirah oleh PUSPANITA<br>4. Klinik Golf anjuran PRAKTIS |
| d. Perhimpunan bulanan/ tazkirah<br>1 prog.= 0.5 mata |  |               |  |   |

##### ii. Perkongsian Idea Bersama Mentor (Bagi gred 41 dan ke atas)

Mentor adalah seorang yang mempunyai pengetahuan & pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang, bijak membimbing, memberi nasihat dan menjadi role -model)

Mentee adalah individu yang dipandu & dipimpin

##### iii. Kaunseling

Perjumpaan rasmi dengan Kaunselor UTeM untuk mendapat khidmat nasihat

| Mata   | Pemberat  | Mata Maksimum | Catatan  |
|--|---|---------------|--|
| 1 perjumpaan + disahkan + borang permohonan mata CPD<br><br>(1 mata) | B + C (10 mata)<br>@<br>B sahaja (10 mata)<br>@<br>C sahaja (10 mata) | Tiada Had     | Mentor yang dirujuk adalah:<br><br>i. Pengurusan Tertinggi UTeM (Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor / Pendaftar / Bendahari / Ketua Pustakawan).<br><br>ii. Pegawai Kanan (Dekan/Pengarah PTJ); dan<br><br>iii. Ketua-ketua Pejabat dan Pusat di Canselor<br><br>b) Tajuk perbincangan mestilah dicatat dalam Borang Permohonan Mata CPD dan disahkan oleh Mentor.<br><br>c) Tidak termasuk mesyuarat. |

# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik



### 2. Kursus Jangka Pendek

#### C. Pembelajaran kendiri

Kaedah Kaedah pembelajaran yang berkonsepkan belajar atas daya usaha sendiri.

- i. Penggunaan portal sebagai medium pembelajaran.
- ii. Pembacaan Buku ilmiah (buku biasa/ bentuk fizikal atau e-book)
- iii. Pembelajaran jurnal ilmiah / laporan / kajian dan lain-lain bahan ilmiah secara fizikal atau maya (virtual)

| Mata   | Pemberat   | Mata Maksimum | Catatan  | Contoh Aktiviti   |
|--|--|---------------|--|---|
| 1 bahan bacaan + dibentangkan + disahkan oleh Ketua PTj (3 mata) | Bagi Kump. Akademik<br>B+C (10 mata)<br><br>B sahaja (10 mata)<br><br>C sahaja (10 mata) | Tiada Had     | <ul style="list-style-type: none"><li>i) Sesi pembentangan MESTI dihadiri oleh Ketua PTj (termasuklah Ketua Pejabat dan Pusat di Canselor) dan 6-10 orang peserta untuk mendengar pembentangan.</li><li>ii) Sebaiknya bahan yang ingin dibentangkan mendapat persetujuan Ketua PTj (termasuklah Ketua Pejabat dan Pusat di Canselor)</li><li>iii) (Ketua PTj boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan/ Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian)</li><li>iv) Minimum masa pembentangan adalah 1 jam</li><li>v) Maksimum 2 kali pembentangan</li></ul> | a. Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)- <a href="http://www.intan.epsa.my">www.intan.epsa.my</a><br><br>b. Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan (CME online, CPC online) – <a href="http://www.cmelist.com">www.cmelist.com</a> |

# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik



### 3. Pengembangan Ilmu & Kemahiran

Aktiviti perkongsian ilmu secara bersemuka yang memberi faedah kepada PTJ (termasuk Pejabat dan Pusat di Canseloril/ UTeM / agensi luar).

#### A. Bengkel Kerja

Aktiviti berbentuk *brainstorming* (peringkat Antarabangsa / Kebangsaan / UTeM / PTJ)

| Mata                               | Pemberat   | Mata Maksimum | Catatan   | Contoh Aktiviti   |
|------------------------------------|--|---------------|---|---|
| Antarabangsa<br>1 bengkel = 8 mata | Bahagian<br>3+4+5+6<br>(10 mata)<br>@<br>3 sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had     | Bengkel yang dilaksanakan oleh PTJ atas keperluan PTJ sendiri tidak diberi mata CPD. Walau bagaimanapun ahli dari PTJ lain yang dijemput hadir layak diberi mata CPD. | <b>Bengkel Yang Diberi Mata CPD</b><br>1. Bengkel KIK Universiti<br>2. Bengkel Pelan Strategik Universiti                                     |
| Kebangsaan<br>1 bengkel = 6 mata   | @<br>3 sahaja<br>(10 mata)                                     |               |   | <b>Bengkel Yang Tidak Diberi Mata CPD</b>   |
| UTeM<br>1 bengkel = 4 mata         | @<br>4 sahaja<br>(10 mata)                                     |               |   |   |
| PTJ<br>1 bengkel = 2 mata          | @<br>5 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>6 sahaja<br>(10 mata)       |               |   | 1. Bengkel Fail Meja PTJ<br>2. Bengkel Pemurnian Penstrukturkan Kurikulum & Silibus Fakulti<br>3. Bengkel Pengemaskinian Jadual Waktu Fakulti |

#### B. Persidangan (UTeM)

Aktiviti seperti Pembentangan Poster (satu poster)/ Pengerusi Sesi/ Pembentangan Kertas Kerja (satu kertas)/ Pembentangan Keynote/ plenari.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

|   |  |           |  |  |
|---|--|-----------|--|--|
| Pembentang<br>Poster (satu poster)<br>3 mata          | Bahagian<br>3+4+5+6<br>(10 mata)<br>@<br>3 sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had | Dalam sesatu persidangan, satu kategori sahaja akan diambil kira mata CPD dengan prinsip yang mana lebih tinggi. |  |
| Pengerusi Sesi<br>4 mata                              | @<br>4 sahaja<br>(10 mata)                                     |           |  |  |
| Pembentang<br>Kertas kerja (satu<br>kertas)<br>6 mata | @<br>5 sahaja<br>(10 mata)                                     |           |  |  |
| Pembentang<br>keynote/plenari<br>7 mata               | @<br>6 sahaja<br>(10 mata)                                     |           |  |  |
| <b>Tambahan mata:</b>                                 |  |           |  |  |
| Peringkat<br>Antarabangsa<br>(2 mata)                 |  |           |  |  |
| Peringkat<br>Kebangsaan<br>(1 mata)                   |  |           |  |  |

# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik



### 4. Penglibatan Dalam Persatuan/Program

#### A. Jawatankuasa (PTj)

| Mata  | Pemberat                         | Mata Maksimum  | Catatan   |   |
|---|----------------------------------|--|-----------|---|
| Pengerusi<br>Pengurus<br>Presiden<br>Pengarah   | 2.5 mata                         | Bahagian<br>3+4+5+6<br>(10 mata)<br>@<br>3 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>4 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>5 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>6 sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had | i) Dalam sesuatu penglibatan, satu jawatan sahaja diambil kira mata CPD dengan prinsip yang mana lebih tinggi.<br><br>ii) Berdasarkan tahun semasa.<br><br>iii) Mata boleh diberi berdasarkan aktiviti yang berlainan.<br><br>iv) Memegang jawatan dalam politik bagi: <ul style="list-style-type: none"><li>• Staf Pengurusan Tertinggi / Pengurusan &amp; Profesional tidak dikira.</li><li>• Staf Sokongan MESTI mendapat kelulusan dari Lembaga Pengurusan Universiti</li></ul> |
| Bendahari<br>Setiausaha   | 2.5 mata                         |  |           |   |
| Timbalan/ Naib/<br>Penolong   | 2 mata                           |  |           |   |
| Ketua Biro<br>Ketua Bahagian<br>Ketua Pasukan<br>Felo   | 1.5 mata                         |  |           |   |
| Ahli Jawatankuasa<br>AJK Kecil<br>Penaung/ Penasihat  | 1.0 mata<br>0.8 mata<br>0.6 mata |  |           |   |
| Ahli Biasa<br>Pemain<br>Petugas<br>Peserta<br>Pengiring<br>Penolong penasihat                                   | 0.5 mata                         |  |           |   |
| Hadir Mesyuarat Agong   | 0.5 mata                         |  |           |   |
| Urus setia  | 1 jam = 0.5 mata                 |  |           |   |
| <b>Tambahan mata :</b>  |                                  |  |           |   |
| Antarabangsa (3.5 mata)<br>Kebangsaan (3 mata)<br>Negeri (2 mata)<br>Daerah (1.5 mata)<br>Kawasan/UTeM (1 mata) |                                  |  |           |   |

(Peraturan 20, Jadual Kedua, AKTA 605)

v) Maksimum mata yang diberi bagi tugas urus setia adalah 4 mata.

جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

#### B. Pengiktirafan Kepakaran (UTeM)

|  |        |  |           |   |
|--|--------|--|-----------|---|
| Pengubal<br>Pemeriksa<br>Panel/ Juri/ Hakim<br>Mentor<br>Pengadil<br>Jurulatih<br>Perunding<br>Tenaga Pengajar | 5 mata | Bahagian<br>3+4+5+6<br>(10 mata)<br>@<br>3 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>4 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>5 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>6 sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had | i) Maksimum mata yang diberi untuk penceramah adalah 4 mata<br><br>ii) Maksimum mata yang diberi bagi tugas fasilitator dan pembantu fasilitator adalah 4 mata. |
| <b>Tambahan mata :</b><br>Pengiktirafan luar (2 mata)  |        |  |           |   |

Penceramah\* 1 jam = 2 mata

Fasilitator 1 jam = 1.5 mata

Pembantu Fasilitator 1 jam = 1 mata

# Format Penggredan Mata CPD

## Akademik

### 5. Penerbitan/ Penulisan

#### A. Penulisan (PTj)

| Mata   | Pemberat                            | Mata Maksimum  | Catatan   | Contoh Aktiviti   |
|--|-------------------------------------|--|-----------|---|
| Buku/ e-book<br>Bab dalam buku<br>Media Cetak / Elektronik   | 3 mata<br>2.5 mata<br><b>2 mata</b> | Bahagian<br>3+4+5+6<br>(10 mata)<br>@<br>3 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>4 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>5 sahaja<br>(10 mata)<br>@<br>6 sahaja<br>(10 mata) | Tiada Had | Mata CPD diambil kira bagi tajuk penulisan yang pertama kali disiarkan (perlu kemukakan sesalinan majalah/ keratan artikel & agensi yang menerbitkan) |
